

APPLE WALLET BAGI KAD KREDIT/-i CIMB

Soalan Lazim (FAQs)

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah Apple Pay?	Apple Pay Adalah dompet digital selamat oleh Apple yang membolehkan anda menyimpan kad pembayaran anda serta membuat pembayaran tanpa sentuh dengan mudah and lancar di kedai, dalam aplikasi dan dalam talian.
2.	Siapakah yang boleh menggunakan Apple Pay?	Pemegang kad CIMB yang mempunyai peranti Apple seperti iPhone, Apple Watch, iPad atau Mac boleh menggunakan Apple Pay.
3.	Apakah perbezaan antara Apple Wallet dan Apple Pay?	Apple Wallet adalah aplikasi tempat kad anda disimpan dengan selamat, manakala Apple Pay adalah ciri pembayaran dalam Apple Wallet yang membolehkan anda membuat transaksi tanpa sentuh yang selamat menggunakan peranti Apple yang layak.
4.	Apakah kad-kad CIMB yang disokong pada Apple Wallet?	Kebanyakan kad kredit/-i CIMB disokong pada Apple Wallet. Kad-kad berikut tidak disokong: 1. CIMB Petronas Visa Infinite-i 2. CIMB Petronas Platinum-i Kad CIMB Platinum Business, Kad Fuel Tanker, Kad debit tidak disokong pada Apple Wallet.
5.	Bagaimanakah cara untuk saya tambah kad kredit/-i CIMB saya ke Apple Wallet?	Anda boleh menambah Kad Kredit CIMB /-i anda ke Apple Wallet menggunakan mana-mana kaedah berikut: Kaedah yang disyorkan <u>Melalui Aplikasi CIMB OCTO</u> • Buka Aplikasi CIMB OCTO dan pilih “Tambah ke Apple Wallet”. • Ikuti langkah-langkah yang dipaparkan pada skrin untuk melengkapkan proses pengesahan. Kaedah lain yang tersedia <u>Apple Wallet melalui Aplikasi CIMB OCTO</u> • Dalam Apple Wallet, pilih untuk menambah kad melalui Aplikasi CIMB OCTO. • Anda akan dialihkan ke aplikasi untuk melengkapkan pengesahan. <u>Tap untuk tambah kad (NFC)</u> • Buka Apple Wallet dan tambah kad kredit anda melalui fungsi sentuhan NFC. • iPhone anda akan membaca maklumat kad secara selamat dan membimbing anda melalui proses penyediaan. <u>Kemasukan manual dalam Apple Wallet</u> • Buka aplikasi Apple Wallet, tekan ikon “+” dan masukkan butiran kad secara manual. • Pengesahan pemegang kad diperlukan melalui SMS OTP atau SecureTAC atau panggilan ke Pusat Khidmat Pelanggan

		Nota: SMS OTP akan dihantar ke nombor mudah alih berdaftar pemegang kad utama, termasuk untuk kad tambahan. Untuk panduan langkah demi langkah, sila layari www.cimb.com.my/applepay untuk mengetahui cara menambah Kad Kredit CIMB /-i anda ke Apple Wallet.
6.	Peranti manakah yang menyokong Apple Wallet?	Apple Wallet boleh digunakan pada peranti Apple yang menyokong dan menjalankan versi sistem operasi yang diperlukan. Untuk senarai terkini peranti Apple yang layak, sila rujuk: https://support.apple.com/kb/HT208531
7.	Apakah bilangan maksimum peranti yang dibenarkan bagi penggunaan kad kredit dalam Apple Wallet?	Pelanggan dibenarkan menggunakan kad kredit yang sama pada maksimum sehingga 5 peranti Apple sahaja.
8.	Saya telah menambah kad saya ke Apple Wallet di iPhone. Bolehkah saya menggunakan kad yang sama pada Apple Watch, atau perlu ditambah secara berasingan?	Ya. Setiap Kad Kredit CIMB/-i perlu ditambah secara berasingan pada setiap peranti Apple, termasuk Apple Watch, sebelum ia boleh digunakan untuk pembayaran melalui Apple Pay.
9.	Jika saya menukar peranti Apple, adakah saya perlu menambah kad saya semula?	Ya. Anda perlu menambah semula Kad Kredit CIMB/-i anda ke Apple Wallet pada peranti baharu sebelum ia boleh digunakan untuk pembayaran melalui Apple Pay.
10.	Adakah pemegang kad tambahan boleh gunakan Apple Pay?	Ya. Pemegang kad tambahan boleh menggunakan kad mereka dalam Apple Wallet untuk membuat pembayaran melalui Apple Pay.
11.	Apakah manfaat menggunakan kad kredit CIMB pada Apple Wallet?	Apple Pay membolehkan anda membuat pembayaran dengan lebih pantas, mudah dan lebih selamat.
12.	Bagaimanakah saya melengkapkan transaksi atau pembayaran menggunakan Apple Pay?	<u>Pembayaran di kedai:</u> Langkah 1: Cari simbol tanpa sentuh (<i>contactless</i>) di premis peniaga. Langkah 2: Aktifkan Apple Pay pada peranti anda: • iPhone dengan Face ID: Tekan dua kali butang sebelah (<i>side button</i>) • iPhone dengan Touch ID: Tekan dua kali butang <i>Home</i> Langkah 3: Sahkan pembayaran, kemudian dekatkan peranti anda ke terminal pembayaran untuk membuat bayaran. <u>Pembayaran menggunakan Apple Watch:</u> Langkah 1: Tekan dua kali butang sisi pada Apple Watch untuk mengaktifkan Apple Pay. Langkah 2: Dekatkan Apple Watch anda ke terminal pembayaran dengan skrin menghadap pembaca. <u>Pembayaran dalam talian atau dalam aplikasi:</u>

		Pilih Apple Pay semasa membuat pembayaran dan sahkan transaksi melalui SecureTAC atau SMS OTP untuk melengkapkan pembayaran. Nota: Sekiranya transaksi tidak dapat diselesaikan menggunakan Apple Pay, sila gunakan Kad Kredit CIMB/-i fizikal anda sebagai alternatif.
13.	Adakah terdapat bayaran caj dikenakan untuk menggunakan Apple Pay?	Tidak. Apple Pay boleh digunakan tanpa sebarang caj tambahan.
14.	Bolehkah saya menggunakan Apple Pay di luar negara?	Ya. Apple Pay boleh digunakan di luar negara di peniaga yang menyokong pembayaran tanpa sentuh. Caj transaksi luar negara yang berkenaan mungkin dikenakan. Adalah disarankan untuk membawa Kad Kredit CIMB/-i fizikal anda semasa melancong supaya anda masih boleh membuat pembayaran di peniaga yang tidak menerima pembayaran tanpa sentuh.
15.	Adakah Apple Wallet dan Apple Pay selamat?	Ya, ia selamat digunakan. 1. Apple Pay menggunakan ciri keselamatan terbina dalam pada peranti Apple anda. 2. Nombor kad sebenar anda tidak disimpan pada peranti atau dikongsi semasa transaksi. 3. Transaksi Apple Pay akan mencetuskan notifikasi dalam Aplikasi CIMB OCTO, membolehkan anda mengenal pasti sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan cepat. Setiap notifikasi memaparkan nama peniaga dan amaun transaksi. 4. Jika peranti Apple anda hilang, anda boleh menggunakan fungsi Find My untuk mengunci atau memadam peranti tersebut. Ini akan menggantung atau membuang Apple Pay pada peranti berkenaan, sekali gus menghalang penggunaan tanpa kebenaran Kad Kredit CIMB/-i anda. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cimb.com.my/applepay untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Apple Pay.
16.	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya kehilangan peranti saya yang mempunyai Kad Kredit CIMB dalam Apple Wallet?	Jika peranti anda hilang atau dicuri, anda boleh mengambil langkah berikut untuk melindungi kad anda dan mengelakkan pembayaran tanpa kebenaran: • Kunci iPhone, iPad atau Apple Watch anda dari jauh menggunakan aplikasi Find My atau melalui iCloud.com dengan menandakan peranti sebagai hilang. Apabila peranti diaktifkan dalam <i>Lost Mode</i>, Apple Pay akan digantung pada peranti tersebut. • Padam iPhone atau iPad anda dari jauh menggunakan aplikasi Find My atau melalui iCloud.com. Ini akan memadam semua data pada peranti, termasuk kad yang ditambah dalam Apple Pay. • Letakkan sekatan sementara pada Kad Kredit CIMB / Kad Kredit-i CIMB fizikal anda melalui fungsi pembekuan/pengaktifan semula kad dalam Aplikasi CIMB OCTO.

		Sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB di talian 03-6204 7788 dengan segera untuk menyekat Kad Kredit CIMB/i anda.
17.	Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya kehilangan Kad Kredit CIMB saya?	Sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB di talian 03-6204 7788 dengan segera untuk menyekat kad anda dan mengelakkan sebarang penggunaan tanpa kebenaran.
18.	Adakah terdapat had kredit dalam Apple Wallet setelah kad kredit CIMB termasuk dalam Apple Wallet?	Had kredit adalah ditentukan oleh Kad Kredit/i CIMB yang anda tambah ke dalam Apple Wallet.
19.	Bolehkah saya mengurus had kredit melalui Apple Wallet?	Tidak. Pengurusan had kredit tidak tersedia melalui Apple Wallet. Sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB di talian +603 6204 7788 untuk sebarang permohonan berkaitan had kredit.
20.	Bolehkah saya lakukan pelan pembayaran ansuran dalam Apple Pay?	Apple Pay tidak menyokong pembayaran ansuran secara langsung. Namun, pelanggan Kad Kredit/i CIMB masih boleh menikmati pilihan ansuran seperti Bayaran Ansuran Mudah atau Pelan Bayaran Flexi, bergantung pada ketersediaan di peniaga dan kelayakan transaksi.
21.	Bagaimanakah jika saya mengalami isu teknikal berkenaan dengan aplikasi Apple Wallet atau Apple Pay?	Untuk isu teknikal berkaitan peranti atau Apple Wallet, sila layari Apple Support di https://support.apple.com/en-gb/apple-pay untuk maklumat lanjut. Bagi perkara berkaitan Kad Kredit CIMB/i, sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB di talian 03-6204 7788.
22.	Saya tidak dapat menambah Kad Kredit/i CIMB ke Apple Pay. Apakah yang perlu saya lakukan?	Jika anda menerima mesej ralat dan tidak dapat melengkapkan penambahan kad ke Apple Pay, sila hubungi Pusat Panggilan Pengguna CIMB di talian 03-6204 7788 untuk bantuan lanjut. Walau bagaimanapun, jika penambahan kad tidak dapat diselesaikan disebabkan masalah dengan ID peranti yang dipautkan kepada peranti Apple anda seperti iPhone, Apple Watch atau iPad, anda perlu menghubungi Apple Malaysia di talian 1800-80-6419 untuk sokongan lanjut.
23.	Bagaimanakah saya alih keluar kad saya dari Apple Wallet?	Anda boleh mengalih keluar Kad Kredit / Kad Kredit-i CIMB anda daripada Apple Wallet dengan mengikuti langkah di bawah, bergantung pada peranti anda: iPhone 1. Buka aplikasi <i>Wallet</i> dan pilih kad yang ingin dialih keluar. 2. Tekan (•••), kemudian pilih <i>Card Details</i> (Butiran Kad). 3. Skrol ke bawah dan tekan <i>Remove Card</i> (Keluarkan Kad). iPad 1. Pergi ke <i>Settings</i> (Tetapan), kemudian pilih <i>Wallet & Apple Pay</i>. 2. Pilih kad yang ingin dialih keluar. 3. Tekan <i>Remove Card</i> (Keluarkan Kad). Apple Watch

		1. Buka aplikasi Wallet pada Apple Watch anda. 2. Pilih kad yang ingin dialih keluar. 3. Skrol ke bawah dan tekan <i>Remove Card</i> (Keluarkan Kad). Mac dengan Touch ID 1. Pergi ke <i>System Settings</i> (Tetapan Sistem) atau <i>System Preferences</i> (Keutamaan Sistem), kemudian pilih Wallet dan Apple Pay. 2. Pilih kad yang ingin dialih keluar. 3. Klik <i>Remove Card</i> (Keluarkan Kad).
24.	Bagaimanakah saya mengetahui sama ada transaksi Apple Pay saya berjaya?	Anda akan menerima pengesahan pada skrin peranti anda sebaik sahaja transaksi selesai. Butiran transaksi juga akan dipaparkan dalam penyata bulanan Kad Kredit CIMB/-i anda.
25.	Di manakah boleh saya membaca FAQ lanjut berkenaan dengan Apple Wallet?	Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web Apple Wallet atau Apple Support.